

0541

B 8925 AAB  
MAHATHIR - MUSA

KUALA LUMPUR, 9 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERBINCANGAN YANG DICADANGKAN ANTARA BELIAU DENGAN DATUK MUSA HITAM BOLEH DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA TANPA SEBARANG SYARAT.

+KITA TAK PERMAH TUTUP PINTU...BAHKAN DATUK MUSA SENTIASA BERJUMPA SAYA DAN BERBINCANG PANJANG LEBAR,+ KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENPENGKERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENJAWAB SOALAN MENGENAI CADANGAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JOHOR BAHRU, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD, SUPAYA BELIAU (DATUK SERI DR MAHATHIR), ENCIK SHAFAR BABA, DATUK MUSA HITAM DAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH +DUDUK DAN BERBINCANG+ BAGI MENYELESAIKAN MASALAH PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU.

MENURUT LAPORAN AKHBAR HARI INI, DATUK MUSA SEDIA BERUNDING DENGAN KETIGA-TIGA PEMIMPIN ITU JIKA KEHADIRANNYA DIANGGAP PERLU UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBINCANGKAN MASALAH TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DATUK MUSA BOLEH BERJUMPA DENGANNYA PADA BILA-BILA MASA DAN PERBINCANGAN ITU BOLEH DIADAKAN SAMA ADA ANTARA +EMPAT ORANG, LIMA ORANG ATAU DUA ORANG+. -- LAGI 2210MST 09 09 88

B 8939 OEB  
MAHATHIR - MUSA 2 KUALA LUMPUR

+KITA TAK HENDAK ADA +CONDITION+ (SYARAT)+, KATANYA MENGENAI BILANGAN MEREKA YANG HARUS MENYERTAI PERBINCANGAN ITU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA DATUK MUSA TELAH MENGHUBUNGINYA MENGENAI PERKARA ITU, BELIAU BERKATA: +SAYA CUMA BACA DARIPADA AKHBAR.+

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENAFIKAN LAPORAN YANG DIKATAKAN DISIARKAN OLEH SEBUAH MAJALAH MINGGUAN ANTARABANGSA KONONNYA BELIAU TELAH MELAWAT TAIWAN BARU-BARU INI.

KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN AGENSI BERITA ASING MENGENAI KRITIKAN CHINA TERHADAP LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ KE TAIWAN, BELIAU BERKATA LAWATAN ITU SEMATA-MATA BERTUJUAN MEMARIK PELABURAN.

+KITA BUKAN NAK IKTIKRAF KERAJAAN TAIWAN KERANA KITA MASIH BERPEGANG KEPADA +ONE CHINA POLICY+ (DASAR MENSIKTIKRAF SATU NEGARA CHINA),+ KATANYA.

-- BERNAMA  
0010MST 10 09 88